

Pengukuhan Kesejahteraan Masyarakat Menurut Perspektif Kepelbagaian Ciri Demografi

NAZIATUL AZIAH MOHD RADZI
NORMAIZATUL AKMA SAIDI
NURFARADILLA HARON

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

POLICY BRIEF 16

Pengukuhan Kesejahteraan Masyarakat Menurut Perspektif Kepelbagaian Ciri Demografi

Naziatul Aziah Mohd Radzi
Normaizatul Akma Saidi
Nurfaradilla Haron

2022

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

Pengukuhan Kesejahteraan Masyarakat Menurut Perspektif Kepelbagaian Ciri Demografi

© INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, or mechanical, including photocopy, recording, or any other information storage, and retrieval system without prior permission in writing from Institut Masa Depan Malaysia.

Publisher:



Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-23881059 Fax: 03-23881049
E-mail: mpdp@institutmasa.com

Advisor:

Azril Mohd Amin

Editorial Team:

Marhaini Kamaruddin

Hamidah Atan

Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan

Mohd Noor Musa

Lili Fariza Ariffin

Sim Why Jean

Nurul Aqilah Azman

Muhammad Fadzil Anif

Nur Zalikhaa' Zainal Abidin

Liwani Che Long

Muhammad Haqimie Aiman Rosli

Muhammad Akmal Hamdan

PRAKATA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar kerajaan dan akademik dalam menjalankan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Semenjak penubuhannya, MASA telah terlibat secara aktif dalam usaha merangka dasar dan polisi negara. MASA turut memperkenalkan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) yang merupakan satu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar dalam kalangan para penyelidik muda daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta seluruh negara, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan yang telah diujarkannya dengan Rancangan Malaysia Ke-12.

Menerusi inisiatif MPDP 1.0, sebanyak 30 Ringkasan Dasar telah berjaya dihasilkan merangkumi input/cadangan dasar merentas bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan pembangunan lestari.

MASA mengucapkan terima kasih kepada Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi dan kumpulan penyelidik atas penghasilan ringkasan dasar ini. Komitmen penerima geran MPDP serta kerjasama erat dengan pihak-pihak berkepentingan amat dihargai dan diharapkan dapat terus memberi impak positif kepada pembangunan dasar negara.

Azril Mohd Amin
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Masa Depan Malaysia

TENTANG MASA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

MASA telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Md Yassin. MASA diasaskan dengan tujuan untuk mengembangkan falsafah kemakmuran bersama di Malaysia dan di rantau ini.

MASA juga telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai pelan sosioekonomi yang baharu untuk Malaysia.

Wawasan Kami

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

Matlamat Kami

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangunkan dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.

TENTANG MPDP

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) merupakan suatu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar yang telah menjadi sebahagian daripada kajian unggulan MASA, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 serta disejajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Geran penyelidikan yang diperkenalkan pada 2021, mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan.

Penyelidikan yang dijalankan menerusi MPDP merangkumi pelbagai bidang strategik. Antaranya kemiskinan multidimensi, pendidikan kumpulan B40, perancangan bandar lestari untuk komuniti berpendapatan rendah, keterangkuman wilayah di Sabah dan Sarawak, model perusahaan sosial untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), potensi ekonomi hijau dan sekuriti makanan.

Bidang strategik lain juga termasuk pemerksaan sektor ekopelancongan, perubahan iklim, kesiapsiagaan kesihatan dan daya tahan krisis masa hadapan, mengatasi keciciran pembelajaran, pemacuan pertumbuhan perniagaan, perumahan mampu milik dan perlindungan sosial.

Penyelidikan-penyelidikan ini mencerminkan aspirasi inisiatif yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ke-8 merangkap Pengerusi MASA, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj. Md. Yassin.

SENARAI RINGKASAN DASAR MPDP 1.0

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
1.	Family Digital Citizenship in Pandemic Recovery: Prospects, Challenges, and Policy Considerations	Prof. Madya Dr. Nor Diana Mohd Mahudin
2.	Kajian Kelestarian Perusahaan Sosial di Malaysia: Perspektif Pasca Pandemik COVID-19	Dr. Abu Hanifah bin Ayob
3.	Increasing Medical Specialists in Malaysia: Beware of Vicious Cycle	Asst. Prof. Ts. Dr. Chang Jing Jing
4.	Public Reactions and Acceptability on Carbon Tax Implementation in the Malaysian COVID-19 Economic Recovery Plan	Prof. Madya Dr. Izlawanie bt Muhammad
5.	Role of People with Disabilities towards Sustainability of Tourism Sectors in Malaysia	Ms. Kalai Vani A/P Kalimuthu
6.	Pelan Pembangunan Dasar Pengurusan Pendidikan Murid B40	Dr. Bity Salwana bt Alias
7.	The Adoption of Digital Technology in Micro-Retail Enterprises	Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
8.	The Impact of COVID-Malaysia's Emergency Mitigation Measure on 10 High-Value Crops	Prof. Madya Dr. Fatimah Kayat
9.	Towards Enhancing Sustainability Practices Among SMEs: Awareness and Challenges	Dr. Wahidah bt Shari
10.	The Role of the Share of Energy from Renewable Sources on FDI Inflows	Dr. Goh Lim Thye
11.	Elderly Adaptive City Planning-Bringing the Age-Friendly City Concept to Live	Dr. Nur Aulia Rosni
12.	Micro SMEs Rescue Plan: No One is Left Behind	Dr. Foo Lee Peng
13.	Revitalizing the Urban B40 Communities Through The Development of a Multidimensional Integrated Community Sustainability Planning (ICSP) Framework	Dr. Peter Aning anak Tedong
14.	Grey Matter - An Examination of Malaysians Perspectives Towards Ageism and Impacts of Health	Prof. Dr. Choo Wan Yuen

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
15.	Road Safety and Health Risks of Food Delivery Riders During COVID-Implications and Recommendations	Dr. Laila Suriya Ahmad Apandi
16.	Exploring the Determinants of Community Well-being in Endemic Period: A Comparison Study between Rural and Urban Community	Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi
17.	Social, Economic, and Environmental Factors Determining COVID-19 Severity in Malaysia: Lessons Learnt From Non-Pharmaceutical Interventions (NPIs)	Dr. Teh Bor Tsong
18.	Human Capital Transformation in Talent Management Affecting Kelantan State Employee Performance During Pandemic COVID-19	Dr. Iskandar Hasan Tan bin Abdullah
19.	Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025	Dr. Mohd Ikbal bin Mohd Huda

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
20.	The Development of Youth Agropreneur Policy and Framework for Food Safety Sustainability and Poverty Reduction	Prof. Madya Dr. Sylvia @ Nabila Azwa bt Ambad
21.	Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Tioman	Dr. Siti Nor Liyana bt Harun
22.	Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi Untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN)	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
23.	Ruang Hijau Bandar Sebagai Indeks Untuk Dasar Kesihatan Mental Mampan Semasa Pandemik	Prof. Madya Dr. Mohd Ramzi bin Mohd Hussain
24.	Assessing Organizational Resources for Post Pandemic Resiliency and Employees' Well-Being	Asst. Prof. Dr. Low Mei Peng
25.	Model T-Digital dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia	Dr. Khairul Azhar bin Meerangani

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
26.	Mental Health Services Mapping for School Going Children and Adolescents	Dr. Tengku Amatullah Madeehah bt Tengku Mohd
27.	COVID-19 Outbreak-Analysis Visualization and Classification of Food Insecurity Among Vulnerable Groups	Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi Abdullah
28.	Government and Corporate Social Responsibilities for Malaysians' Livelihoods During COVID-19: A Retrospective and Prospective Reflective Analysis of Initiatives in 2020 and Beyond	Dr. Cheong Huey Fen
29.	Sustainable Development Goals (SDG): From STEM to Employability	Prof. Dr. Teoh Sian Hoon
30.	Big Data Analytics (BDA) Capability Model for SMEs: Post COVID-19	Dr. Mohammad Falahat

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	1
Biografi	2
Ringkasan Eksekutif	3
Pengenalan	5
Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kesejahteraan Masyarakat	7
Kesejahteraan dan Demografi	10
Kesejahteraan Masyarakat Pasca Pandemik: Dari perspektif Masyarakat di Malaysia	11
Analisis Dasar	15
Cadangan Polisi	23
Rujukan	39

BIOGRAFI

NAZIATUL AZIAH MOHD RADZI

Naziatul Aziah Mohd Radzi ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah dari UKM dalam bidang Pembangunan dan Alam Sekitar. Kepakaran beliau terletak dalam bidang Sains Sosial, khususnya dalam Ekonomi, dengan tumpuan kepada Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), Ekonomi Kitaran, Ekonomi Pembangunan dan Kebajikan Sosial.

NORMAIZATUL AKMA SAIDI

Normaizatul Akma Saidi ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang kewangan dari Universiti Putra Malaysia. Minat penyelidikan beliau termasuk risiko kewangan, kewangan, prestasi perniagaan dan kesejahteraan masyarakat.

NURFARADILLA HARON

Nurfaradilla Haron adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Muamalat, Ekonomi dan Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Sarjana Ekonomi, dan Ijazah Doktor Falsafah Peradaban Islam dari UKM. Minat penyelidikan beliau adalah yang berkaitan dengan bidang ekonomi kebahagiaan, ekonomi kebajikan, zakat, dan ekonomi digital.

Ringkasan Eksekutif

Salah satu aspek yang menjadi penentu kepada pembangunan sesebuah negara adalah tingkat kesejahteraan masyarakat. Kesejahteraan masyarakat akan mencorakkan keharmonian dan kemakmuran negara. Namun, pandemik COVID-19 telah memberi natijah kepada kualiti kesejahteraan masyarakat dalam pelbagai aspek.

Menyedari peranan kesejahteraan masyarakat yang signifikan kepada pembangunan negara, maka ringkasan polisi ini akan menelusuri perbincangan kesejahteraan masyarakat dengan lebih lanjut meliputi impak pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan masyarakat, kesejahteraan dan demografi, kesejahteraan masyarakat menuju ke arah pasca pandemik dari perspektif masyarakat di Malaysia, analisis dasar dan inisiatif berkaitan kesejahteraan masyarakat di Malaysia dan cadangan tindakan untuk mengukuhkan kesejahteraan masyarakat.

Diharapkan cadangan dan ringkasan polisi ini dapat menjadi panduan kepada pihak yang berkaitan untuk merangka dan melaksanakan dasar berkaitan kesejahteraan masyarakat bagi mencapai matlamat kemakmuran negara dan keterangkuman masyarakat.

Cadangan Polisi

Cadangan 1

- Memupuk dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan perancangan dan literasi kewangan.

Cadangan 2

- Menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur awam agar boleh digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Cadangan 3

- Membentuk dan memperkukuh kerangka bersepadu bagi menangani isu pencemaran alam sekitar dan mitigasi perubahan iklim.

Pengenalan

Kesejahteraan masyarakat adalah nadi kepada pembangunan negara. Pembentukan polisi dan pelaksanaan dasar sejak pasca pembentukan Malaysia amat menekankan keseimbangan, kemakmuran, dan kestabilan ekonomi, politik dan sosial.

Namun, tunjang bagi pencapaian matlamat tersebut adalah keharmonian masyarakat yang diperolehi daripada tahap semasa kesejahteraan masyarakat.

Aspek utama yang menjadi penentu terhadap naik atau turunnya tahap kesejahteraan individu dan masyarakat adalah ekonomi dan sosial yang meliputi pelbagai faktor iaitu perancangan kewangan, keijiranan dan masyarakat, agama, kepuasan kerja, adat dan budaya, kesihatan mental, kemudahan dan infrastruktur awam serta ancaman pencemaran alam sekitar dan risiko perubahan iklim.

Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah memberikan implikasi kepada masyarakat dan semestinya mempengaruhi tahap kesejahteraan mereka. Maka, objektif ringkasan polisi ini adalah seperti berikut:

- Mengupas isu impak pandemik COVID-19 terhadap kesejahteraan masyarakat.
- Membincangkan faktor yang mempengaruhi kesejahteraan masyarakat di Malaysia berdasarkan kepada wilayah, gender, kategori umur dan status perkahwinan individu.

- Meneliti polisi terdahulu berkaitan isu kesejahteraan masyarakat.
- Menyatakan cadangan boleh diambil tindakan (*actionable recommendations*) untuk meningkatkan tahap kesejahteraan masyarakat di Malaysia berdasarkan kepada kepelbagaian ciri demografi.

Hal ini meliputi analisis situasi semasa kesejahteraan masyarakat dan cadangan untuk faktor yang mengukuhkan tahap kesejahteraan masyarakat di Malaysia.

Cadangan ini diharapkan dapat menambah baik kepada polisi sedia ada bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat yang lebih berfokus mengikut perbezaan ciri demografi yang dimiliki oleh kumpulan masyarakat memandangkan polisi sedia ada cenderung bersifat satu untuk semua.

Ringkasan polisi ini akan diakhiri dengan cadangan bagaimana tahap kesejahteraan boleh ditambah baik bagi meneroka peluang untuk mengukuhkan tahap kesejahteraan masyarakat, yang akan memberi tambah nilai kepada masyarakat dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat ke arah masa depan negara yang lebih mapan.

Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kesejahteraan Masyarakat

Penularan wabak yang berlaku secara meluas telah menjadikan seluruh dunia seolah-olah “dikunci” dengan penutupan sempadan negara serta larangan penerbangan dan pergerakan rentas negeri mahupun antarabangsa. Ini sekaligus memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, masyarakat umumnya terpaksa menyesuaikan diri dengan kehidupan normal baharu ini. Namun, tidak dapat dinafikan impak ketara yang dapat dilihat kepada masyarakat ketika berdepan dengan musibah ini adalah;

(1) Kehilangan Pekerjaan

Seramai 140,608 orang hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 bagi tempoh Mac 2020 sehingga 20 Ogos 2020 berdasarkan data perangkaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Sebahagian daripada individu yang kehilangan pekerjaan ini adalah bagi kategori pekerja berkemahiran rendah dan pekerja tidak formal. Masalah ini sudah pasti akan mengakibatkan mereka hilang seratus peratus sumber pendapatan.

Selain itu, Malaysia sangat bergantung dengan sektor pelancongan, khususnya Sabah. Industri pelancongan telah lumpuh untuk dua tahun yang lalu, ramai yang terlibat dalam industri ini hilang punca pendapatan.

(2) Peningkatan Kes Kemurungan

Tahap kesihatan mental dalam kalangan masyarakat di negara ini perlu diberi perhatian serius memandangkan semakin banyak kes bunuh diri dilaporkan sejak kebelakangan ini, terutamanya yang dikaitkan dengan tekanan akibat pandemik COVID-19.

COVID-19 telah membuatkan sebahagian individu berada di dalam keadaan stres yang melampau akibat isolasi daripada rangkaian sokongan keluarga dan sahabat handai.

Keadaan ini telah mendorong mereka untuk melakukan tindakan luar kawal seperti mencederakan diri sendiri atau bunuh diri. Turut memburukkan lagi keadaan adalah bebanan hutang yang tinggi dan masalah dalam keluarga serta rumah tangga.

(3) Ketidaktentuan Dalam Pengambilan Makanan

Golongan berpendapatan rendah dan mereka yang terkesan dengan ketidaktentuan pekerjaan atau gangguan sumber pendapatan turut mengurangkan pengambilan makanan. Ini bagi memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan dengan sumber pendapatan yang terhad.

Selain itu, dapatan mendapati bahawa satu daripada empat isi rumah golongan berpendapatan rendah mengalami kekurangan makanan dari pertengahan April hingga pertengahan Jun 2021.

Selain itu, isi rumah di Sabah, Sarawak, dan W.P. Labuan juga mengalami masalah ketidakjaminan makanan hampir dua kali ganda berbanding isi rumah di Semenanjung Malaysia.

(4) Trauma Akibat Kematian Dan Kehilangan Insan Tersayang

Pandemik COVID-19 yang melanda menjadi sejarah hitam bagi individu yang kehilangan insan tersayang disebabkan wabak ini. Kehilangan insan terdekat seperti ibu bapa atau anak akibat COVID-19 boleh menyebabkan tekanan dan trauma kepada mereka yang ditinggalkan.

Kesedihan dirasai apabila tidak dapat 'mengiringi' pemergian terakhir insan disayangi dan ada yang kesal tidak dapat menemani insan pada saat bertarung wabak itu.

Lebih menyedihkan apabila ada yang terpaksa melalui kehilangan berturut-turut apabila ahli keluarga meninggal dunia dalam tempoh hanya berselang beberapa hari.

(5) Pengeluaran Simpanan Peribadi Dan Kebergantungan Pada Bantuan Kerajaan

Individu yang mana sumber pendapatan mereka telah terjejas dengan wabak COVID-19 terpaksa melakukan pengeluaran simpanan peribadi demi kelangsungan hidup mereka.

Manakala, bagi individu yang tergolong dalam kemiskinan tegar pula terpaksa bergantung kepada bantuan kerajaan atau ihsan jiran tetangga untuk mendapatkan barang keperluan.

Kesejahteraan dan Demografi

Demografi adalah ciri khusus yang dimiliki oleh individu ataupun kelompok masyarakat. Kepelbagaian demografi ini menambahkan ciri keunikan kepada kumpulan masyarakat. Namun begitu, pencirian demografi kurang diberi perhatian sedangkan aspek demografi adalah signifikan dan mampu mempengaruhi tahap kesejahteraan masyarakat.

Demografi dalam konteks ini merujuk kepada jantina, kategori umur, kumpulan etnik, status perkahwinan, dan wilayah kependudukan iaitu bandar dan luar bandar. Berdasarkan kepada kajian terdahulu, terdapat pembuktian yang menyatakan bahawa latar belakang demografi tidak memberikan perbezaan terhadap tahap kesejahteraan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga dapatan daripada sumber lain yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kesejahteraan di antara kategori umur, jantina, kumpulan etnik, tahap pendidikan dan kawasan kependudukan. Perbezaan dapatan ini mendorong kepada pemerhatian dan analisis selanjutnya terhadap perbezaan ciri demografi dan tahap kesejahteraan era endemik dari konteks Malaysia.

Analisis perkaitan di antara demografi dan kesejahteraan adalah perkara penting bagi merangka dan menentukan polisi, inisiatif, dan program yang bersesuaian agar berkesan dan memberi impak kepada golongan sasaran.

Kesejahteraan Masyarakat Pasca Pandemi: Dari Perspektif Masyarakat di Malaysia

Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menangani cabaran akibat pandemik telah membawa masyarakat keluar daripada kemelut.

Masyarakat telah mula mengadaptasi dengan norma baharu pasca pandemik dan dilihat bersedia untuk melalui fasa endemik. Walaubagaimanapun, masih banyak perkara yang perlu diteliti apabila melibatkan kesejahteraan masyarakat.

Tambahan pula, hampir keseluruhan negara di dunia dan tidak terkecuali Malaysia mengalami perubahan dalam situasi ekonomi iaitu isu inflasi pada pasca pandemik.

Peningkatan kadar inflasi akan memberi kesan kepada masyarakat kerana mereka perlu berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup. Hal ini akan mempengaruhi tahap kesejahteraan masyarakat di negara ini terutamanya bagi golongan masyarakat berpendapatan rendah.

Dapatan daripada kajian mendapati bahawa masyarakat bandar dan luar bandar memiliki perspektif yang berbeza bagi faktor yang menentukan kesejahteraan mereka. Masyarakat di kawasan luar bandar mendapati bahawa mereka memiliki kehidupan sosial dan kemasyarakatan yang lebih baik berbanding masyarakat yang tinggal di kawasan bandar.

Masyarakat di kawasan luar bandar lebih berpuas hati dengan tahap kepuasan kerja, kesejahteraan hidup dan kesihatan mental. Manakala terdapat perbezaan yang ketara dalam aspek perancangan kewangan, di mana masyarakat yang tinggal di kawasan bandar lebih mementingkan aspek perancangan kewangan berbanding mereka yang tinggal di luar bandar.

Aspek keagamaan adalah faktor paling utama menentukan kesejahteraan kehidupan seseorang individu semasa di era endemik. Dapatan menunjukkan bahawa, individu yang kuat pada pegangan agama lebih sejahtera kerana prinsip yang terkandung dalam ajaran agama dapat memimpin individu untuk menghadapi cabaran dan ketidaktentuan dalam kehidupan.

Aspek budaya turut menjadi kepentingan kepada masyarakat di luar bandar. Bagi kumpulan masyarakat ini, aspek budaya dapat memberikan keharmonian kepada hubungan masyarakat dan penting untuk memelihara adat dan tradisi daripada pupus.

Selain itu, masyarakat yang tinggal di kawasan bandar mementingkan aspek sosial dan kemasyarakatan dan beroleh tahap kepuasan kerja yang tinggi berbanding dengan mereka yang tinggal di bandar.

Purata nilai kesejahteraan hidup yang tinggi diperoleh oleh masyarakat yang tinggal di bandar. Walaubagaimanapun, masyarakat luar bandar mendapati bahawa mereka lebih terdedah dengan pencemaran dan ancaman perubahan iklim. Dapatan juga menunjukkan bahawa masyarakat yang tinggal di bandar lebih terdedah dengan potensi masalah kemurungan.

Selain daripada perbezaan perspektif wilayah, didapati ciri jantina, status perkahwinan dan kategori umur memainkan peranan dalam penentuan faktor yang mempengaruhi kesejahteraan. Lelaki didapati lebih mementingkan peranan agama dalam kehidupan dan memiliki perancangan kewangan yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Walaupun bagaimanapun, perempuan lebih peka terhadap aspek budaya. Perempuan secara signifikan memiliki kepuasan pekerjaan dan lebih berpuas hati dengan sistem kemudahan awam, namun secara purata lebih terdedah dengan masalah kemurungan. Manakala didapati lelaki berada pada tahap sejahtera dan terdedah dengan pencemaran alam sekitar dan impak perubahan iklim.

Didapati kumpulan yang telah berkahwin lebih menekankan aspek beragama, budaya dan perancangan kewangan berbanding mereka yang belum berkahwin dan telah bercerai. Golongan yang telah berkahwin memiliki skor purata tinggi ke atas aspek sosial dan kemasyarakatan. Bagi kumpulan yang telah bercerai, kepuasan kerja dan tahap kesejahteraan berada pada tahap yang tinggi berbanding kumpulan bujang dan berkahwin.

Walau bagaimanapun, kumpulan masyarakat yang bujang sangat berpuas hati dengan kemudahan asas namun mereka adalah kumpulan yang berisiko terdedah kepada masalah kemurungan.

Daripada perspektif demografi kategori umur, kumpulan yang berumur 58 dan ke atas memiliki nilai yang lebih tinggi ke atas peranan agama dan kebudayaan ke atas kesejahteraan dan kehidupan berbanding kumpulan dalam kategori umur lain. Walaubagaimanapun, masyarakat dalam kategori umur 28-37 amat mementingkan aspek perancangan kewangan dalam kehidupan.

Kumpulan dalam kategori umur 58 dan ke atas memiliki skor purata tinggi ke atas aspek sosial dan kemasyarakatan serta memiliki nilai purata kesejahteraan yang lebih tinggi berbanding kumpulan dalam kategori umur. Kumpulan yang berumur 38-47 secara purata berpuas hati dengan kepuasan pekerjaan. Didapati golongan berumur 18-27 berpuas hati dengan tahap fasiliti dan kemudahan awam yang tersedia, namun golongan ini terdedah dengan risiko kemurungan yang mempengaruhi kesihatan mental.

Sungguhpun masyarakat telah bersedia bagi menghadapi era endemik, namun kesejahteraan masyarakat akan terus menjadi tumpuan utama dalam agenda pembangunan negara. Kesejahteraan masyarakat bukan bergantung kepada situasi semasa pandemik, namun turut melibatkan isu lain yang telah lama bermula hatta sebelum ketibaan pandemik seperti kenaikan kos sara hidup, pengangguran, tekanan tempat kerja, hubungan sosial, pengaruh alam siber, bencana alam, tahap kesihatan, pegangan agama, dan akses terhadap peluang.

Analisis Dasar

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Julai 2022 telah menerbitkan Laporan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2021. Laporan ini berdasarkan Tinjauan Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021 yang telah dilaksanakan bagi mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia daripada aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual.

Laporan ini meliputi 13 komponen iaitu keluarga, perumahan dan alam sekitar, penyertaan sosial, kesihatan, kemudahan komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja, pendapatan, keselamatan awam, penggunaan masa, amalan kerohanian, kebudayaan dan pengalaman emosi.

Data ini bertindak sebagai maklumat tambahan kerana pelaporan dinyatakan secara deskriptif dan tidak khusus kepada kumpulan masyarakat di Malaysia yang bersifat heterogeneous.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) turut memberi perhatian dalam isu kesejahteraan dan pembangunan keluarga melalui terbitan Laporan Indeks Kesejahteraan Masyarakat Malaysia 2019.

Pelaporan ini telah menyatakan bahawa tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia telah meningkat, namun dapatan ini merujuk kepada situasi sebelum berlakunya pandemik COVID-19.

Data yang dikemukakan dalam laporan ini merujuk kepada keluarga dan responden pula terhad dalam kalangan ketua isi rumah iaitu bapa ataupun ibu yang memiliki anak. Indeks yang diperolehi adalah berdasarkan kepada strata yang meliputi bandar dan luar bandar.

Domain utama yang terkandung dalam laporan ini adalah hubungan, ekonomi, kesihatan dan keselamatan kekeluargaan, penglibatan keluarga dan masyarakat, peranan agama dan amalan kerohanian dalam keluarga, alam sekitar dan perumahan serta teknologi komunikasi. Sungguhpun demikian, laporan ini tidak menyatakan secara komprehensif perkaitan domain ini dengan ciri demografi dan cenderung berbentuk deskriptif.

Kerajaan sangat komited dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan masyarakat melalui perancangan dan pelaksanaan di peringkat negeri mahupun nasional. Dasar dan inisiatif ini telah dirangka berdasarkan setiap indikator dalam kesejahteraan masyarakat. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) meliputi tahun 2021-2025 yang bertemakan Malaysia makmur, inklusif dan mapan.

Beberapa inisiatif yang bermatlamatkan kesejahteraan masyarakat masih diteruskan dan juga baru diperkenalkan. Tema 2 iaitu pengukuhan keselamatan, kesejahteraan dan keterangkuman telah memerincikan matlamat dan usaha untuk meningkatkan kapasiti kesejahteraan masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar.

Jadual 1

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keutamaan mengikut RMKe-12

Bab	KPI	Bidang Keutamaan
4	Meningkatkan sistem pertahanan, keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan keselamatan dan kedaulatan negara • Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan • Meningkatkan bekalan rumah mampu milik yang berkualiti • Memanfaatkan sukan dalam membina masyarakat yang aktif • Memperkukuh perpaduan untuk negara makmur
5	Menangani isu kemiskinan dan pembinaan masyarakat yang terangkum	<ul style="list-style-type: none"> • Menangani kemiskinan dan mengurangkan ketidaksamarataan daripada perspektif pelbagai dimensi • Memperkasa B40 • Memberi sokongan kepada M40 bagi mewujudkan masyarakat yang saksama • Mencapai kesaksamaan keberhasilan Bumiputera • Meningkatkan pembangunan masyarakat orang asli • Memperkasa kumpulan sasar khusus
6	Menambah baik keseimbangan wilayah dan keterangkuman	<ul style="list-style-type: none"> • Memanfaatkan potensi ekonomi wilayah • Membangunkan bandar yang mampan • Mentransformasi kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan
7	Mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Memantapkan penyediaan infrastruktur • Mengoptimumkan potensi ekonomi • Menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial • Memperkukuh pembangunan inklusif • Memperkukuh kerjasama antara agensi persekutuan dan kerajaan negeri

Berdasarkan Jadual 1, terdapat empat petunjuk prestasi utama (KPI) dan bidang keutamaan berkaitan Tema kedua di RMKe-12 iaitu 'Memperkuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti'. Beberapa bidang keutamaan yang meliputi pelbagai aspek berkaitan kesejahteraan masyarakat turut dinyatakan. Tumpuan telah diberikan kepada kumpulan masyarakat daripada golongan B40 namun pada masa yang sama tidak mengabaikan golongan M40.

Beberapa perkara perlu diberikan perhatian dan pertimbangan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif berkaitan berjaya mencapai matlamat dan tepat kepada golongan sasaran. Antaranya adalah aspek meningkatkan bekalan rumah mampu milik yang berkualiti. Isu perumahan adalah isu utama yang membelenggu masyarakat terutamanya golongan muda dan kumpulan yang tinggal di bandar.

Justeru, pembuat dan pelaksana dasar telah berusaha untuk menyelesaikan kemelut ini melalui pelaksanaan projek rumah mampu milik dengan usahasama pemaju perumahan. Walaubagaimanapun, walaupun usaha ini dilihat telah membantu kumpulan berkeperluan, namun beberapa perkara perlu dihalusi.

Antaranya, adakah peruntukan rumah mampu milik ini mampu sampai tepat ke golongan sasar? Hal ini kerana sistem birokrasi menyukarkan golongan sasar untuk memiliki unit rumah dan pada masa yang sama terdapat isu monopoli pembelian unit oleh golongan yang tidak layak.

Merujuk kepada bidang keutamaan bagi menangani kemiskinan dan mengurangkan ketidaksamarataan daripada perspektif pelbagai dimensi, terdapat cadangan bagi menambah baik sistem agihan dan peruntukan sumber terhadap inisiatif serta program melibatkan peningkatan kesejahteraan masyarakat.

Antaranya adalah dengan menyemak semula program subsidi menyeluruh atau '*blanket subsidy*'. Subsidi ini sememangnya telah banyak membantu masyarakat, namun pada masa yang sama terdapat kumpulan yang telah menyalahgunakan subsidi ini. Sebagai contoh, pemberian insentif kewangan kepada kumpulan masyarakat B40 dan M40. Tidak semua penerima menggunakan bantuan tersebut untuk membeli barang keperluan asas.

Hal yang sama juga berlaku kepada subsidi petrol yang telah dinikmati secara sama rata oleh masyarakat daripada kumpulan T20. Segala jenis bantuan dan subsidi seharusnya perlu lebih spesifik dan berdasarkan kepada jumlah dan tahap keperluan kumpulan berkeperluan.

Dalam usaha memberi sokongan kepada M40 bagi mewujudkan masyarakat yang saksama, agensi dan pembuat dasar sebaiknya mengenal pasti apakah bentuk sokongan yang diperlukan oleh kumpulan ini terutamanya yang tinggal di kawasan bandar.

Antara bentuk sokongan yang bersesuaian adalah subsidi pengangkutan awam untuk kemudahan mereka ke tempat kerja, penyediaan pusat penjagaan kanak-kanak serta peluang pemilihan rumah pada harga yang munasabah. Dalam usaha untuk memanfaatkan potensi ekonomi wilayah, isu kelestarian perlu diberikan perhatian utama.

Di sebahagian kawasan mahupun wilayah, sumber telah dieksploitasi mengakibatkan kepada isu lain seperti banjir, tanah runtuh dan juga pencemaran. Kumpulan masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar mendapati mereka lebih terdedah dengan isu pencemaran dan perubahan iklim.

Kita tidak menafikan keperluan pembangunan bagi merencanakan aktiviti ekonomi di wilayah tersebut, namun pembangunan itu perlu dirancang dengan teliti selepas pelaksanaan analisis faedah kos yang sepatutnya dilakukan sebelum memulakan mana-mana projek.

Dalam bidang keutamaan turut dinyatakan transformasi kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan. Justeru, transformasi ini harus disesuaikan dan selari dengan keperluan masyarakat di kawasan luar bandar.

Hal ini kerana penduduk di kawasan luar bandar lebih berpuas hati dalam aspek sosial dan kemasyarakatan, kepuasan dalam pekerjaan, kesejahteraan hidup dan kesihatan mental. Proses transformasi perlu diperhalusi agar tidak memberikan kesan terbalik (*reverse effect*) selepas proses.

Selain itu, pembuat polisi perlu mempertimbangkan peranan data raya ataupun '*big data*' sebagai salah satu mekanisma untuk mengenal pasti jenis bantuan dan kumpulan sasaran yang selayaknya menerima subsidi ataupun bantuan tersebut.

Pemantauan berterusan juga boleh dilaksanakan melalui aplikasi data raya. Elemen teknologi dan inovasi perlu diterapkan bagi memastikan agihan sumber yang cekap dan sampai ke golongan sasaran. Penilaian pasca pelaksanaan polisi sebaiknya perlu dilakukan bagi mengenal pasti kesesuaian dan keberkesanan program tersebut.

Pembangunan polisi perlu memperincikan secara khusus inisiatif dan program yang sesuai kepada penerima mengikut kepelbagaian ciri demografi yang dimiliki oleh masyarakat di Malaysia. Untuk itu, penggubal polisi perlu mengenal pasti apakah keperluan utama masyarakat antaranya adalah penyediaan infrastruktur di kawasan bandar dan luar bandar.

Masyarakat di kawasan bandar memerlukan penambahbaikan dalam sistem pengangkutan awam seperti keretapi dan bas. Namun, bagi masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar lebih mementingkan keadaan jalan raya yang baik, sistem pungutan sisa buangan yang sistematik, jaringan jalur lebar dan sumber air bersih.

Selain itu, dalam aspek sosial dan kemasyarakatan, masyarakat luar bandar memiliki nilai yang lebih tinggi berbanding masyarakat yang tinggal di bandar. Perbezaan yang sama juga dikenal pasti dalam aspek kesejahteraan iaitu skor kesejahteraan masyarakat yang tinggal di luar bandar adalah lebih tinggi.

Masyarakat yang tinggal di kawasan bandar lebih terdedah dengan risiko kemurungan manakala masyarakat di kawasan luar bandar pula terdedah dengan isu pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim.

Selain perbezaan di antara wilayah bandar dan luar bandar, perbezaan keperluan dan perspektif turut diperoleh berdasarkan ciri demografi jantina, kategori umur dan juga status perkahwinan individu.

Perkara ini seharusnya diperincikan agar polis dan inisiatif yang berkaitan boleh dibangunkan supaya matlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat akan tercapai. Namun, perkara paling penting sekali adalah agihan sumber dapat dilakukan secara optimum dan cekap tanpa pembaziran.

Cadangan Polisi

Pengukuhan Tahap Kesejahteraan Masyarakat

Pandemik COVID-19 telah memberikan pengalaman baru berbeza buat semua ahli masyarakat. Masyarakat telah diuji dengan perkara yang tidak pernah terjangka sebelum ini.

Bagi segelintir individu, keadaan yang serba kekurangan sebelum pandemik telah menjadi bertambah teruk tatkala pandemik melanda. Namun, keadaan ini juga telah membuka ruang dan peluang kepada masyarakat bagi mengisi kelompangan dan mengatasi kelemahan daripada situasi terdahulu.

Pengalaman dan pengajaran daripada pandemik wajar dijadikan panduan bagi menghadapi situasi tidak terjangka. Selain itu, ia juga boleh menjadi indikator dan aras panduan bagi membangunkan semula masyarakat yang lebih sejahtera bagi mencapai matlamat yang dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Cadangan yang berikut adalah hasil dapatan daripada kajian dan wajar dipertimbangkan bagi mengukuhkan sistem jaringan sosial dan membina masyarakat sejahtera berdasarkan acuan kepimpinan dan aspirasi negara.

Aspek Ekonomi

Memupuk dan Meningkatkan Kesedaran terhadap Kepentingan Perancangan dan Literasi Kewangan

Kewangan adalah aspek penting yang boleh mempengaruhi tingkat kesejahteraan masyarakat terutamanya mereka yang tinggal di kawasan bandar dan memiliki jumlah ahli keluarga yang ramai. Antara cabaran berkaitan kewangan yang dihadapi adalah kenaikan kos sara hidup meliputi kenaikan barang asas seperti makanan, kadar sewa, kadar bunga, kos pengangkutan, dan yuran penjagaan anak.

Namun begitu, terdapat segelintir individu yang masih tidak dapat membezakan di antara barang keperluan dan kehendak yang menyebabkan mereka berbelanja pada tempat yang tidak sepatutnya. Perkara ini boleh diatasi dengan beberapa cadangan ataupun langkah seperti berikut:

- Memupuk budaya perbelanjaan dan memahami kepentingan perancangan kewangan sejak peringkat kecil lagi bagi menjamin kedudukan ekonomi yang stabil. Hal ini boleh dilakukan melalui pendidikan asas literasi kewangan dan kempen terhadap perancangan kewangan oleh agensi berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Institusi Perbankan di pelbagai peringkat.

- Melaksanakan kajian bagi memahami corak perbelanjaan utama yang lazimnya diperuntukkan oleh masyarakat mengikut pengelasan isi rumah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bakul barangan yang sering dibeli oleh kumpulan masyarakat tertentu supaya pelaksanaan sistem subsidi bersasar mencapai objektif.
- Mengawal harga semasa untuk barang dan perkhidmatan keperluan bagi golongan berpendapatan rendah untuk meringankan beban kepada golongan ini.
- Meneruskan usaha bagi pemberian subsidi bersasar bagi mengelakkan pembaziran sumber kewangan dan penyalahgunaan pemberian subsidi.
- Memperbanyak hebahan dan promosi panduan perbelanjaan berhemah. Hebahan dan promosi bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran yang boleh dilakukan melalui media elektronik dan sosial.
- Meningkatkan dan mempermudah perkhidmatan bagi penasihat perancangan kewangan dengan memperbanyak saluran yang mudah diakses oleh masyarakat. Penasihat perancangan kewangan adalah aspek yang signifikan bagi membantu ketua keluarga dan isi rumah untuk membuat perancangan dan keputusan mengenai strategi kewangan mereka.

Aspek Sosial

(1) Mewujudkan Masyarakat yang Harmoni dan Kawasan Kejiranan yang Selamat

Masyarakat yang harmoni dan bersatu padu menjadi pemangkin kepada keamanan dan keharmonian masyarakat di negara ini. Kadar jenayah minima memberi indikator kepada tahap kawasan selamat. Masyarakat akan lebih berasa yakin dengan sistem keselamatan di Malaysia yang akan memupuk perasaan selesa dan gembira dalam diri mereka.

Kawasan kediaman yang selamat adalah aspirasi setiap individu kerana rumah adalah tempat perlindungan buat mereka. Bagi mewujudkan persekitaran yang selamat, masyarakat harus didedahkan dengan langkah pencegahan jenayah dan peka kepada persekitaran. Pada masa yang sama, usaha seperti berikut perlu diteruskan bagi meningkatkan jaringan sosial, kerjasama dan perpaduan dalam kalangan masyarakat:

- Meneruskan usaha yang berkaitan bagi menyatukan masyarakat majmuk Malaysia dari pelbagai agama dan berbilang bangsa ke arah pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Antara program yang boleh dilaksanakan adalah program kemasyarakatan, promosi dan pembentukan dasar yang berorientasikan penyatupaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.
- Mempregiat dan mempromosi amalan dan aktiviti masyarakat terdahulu yang berorientasi kesefahaman dan kerjasama di kalangan masyarakat majmuk.

- Membangunkan strategi bagi memastikan kawasan perumahan di bandar dan luar bandar adalah selamat daripada pelbagai aspek seperti masalah sosial dan bencana alam. Tempat tinggal yang selamat adalah impian setiap masyarakat dan amat berkaitan dengan tahap kesejahteraan mereka kerana kawasan kediaman adalah tempat berlindung oleh individu dan keluarga. Selain isu sosial dan jenayah, masyarakat kini menghadapi ancaman bencana alam.
- Meningkatkan sistem keselamatan melalui penubuhan kumpulan sukarelawan dalam kalangan masyarakat. Kumpulan sukarelawan dalam kalangan komuniti perlu bekerjasama dengan agensi keselamatan dan penguatkuasaan negara.
- Menggalakkan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, membersihkan kawasan setempat, ziarah kasih dan sambutan perayaan. Hasil daripada aktiviti ini dapat meningkatkan toleransi kerjasama dan memperbaiki kualiti hubungan komunikasi dalam kalangan masyarakat.

(2) Melahirkan Masyarakat yang Berpegang Teguh kepada Prinsip dan Ajaran Agama

Malaysia adalah sebuah negara yang memiliki masyarakat daripada pelbagai latar belakang kumpulan etnik dan anutan agama yang berbeza. Namun, perlembagaan persekutuan telah menetapkan agama Islam sebagai agama rasmi negara namun tidak menghalang penganut agama lain mengamalkan amalan dan ajaran agama masing-masing.

Agama adalah aspek penting yang memimpin penganutnya ke jalan yang benar berlandaskan prinsip dan ajaran yang terkandung dalam kitab. Masyarakat perlu diberikan panduan dan bimbingan agama berterusan melalui akses yang mudah diperolehi. Perkara yang berkaitan sensitiviti keagamaan perlu dielakkan bagi memelihara keamanan negara:

- Mempertingkatkan usaha bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat terhadap agama yang dianuti melalui penganjuran acara keagamaan dan pembelajaran berterusan. Antara perkara yang boleh dilakukan adalah usaha sama dengan pengamal media melalui penyediaan kandungan siaran yang berunsurkan keagamaan.
- Meningkatkan kapasiti pengetahuan agama masyarakat sejak dari peringkat awal kanak-kanak melalui pembentukan kurikulum bersepadu di peringkat rendah, menengah dan tertiar.
- Menaik taraf institusi keagamaan dan mempertingkatkan intensiti peranan institusi dalam masyarakat.
- Meneruskan dan meningkatkan kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mendidik kumpulan masyarakat rentan mendalami dan menguasai agama.
- Mengawal dan memantau aktiviti ataupun ajaran agama yang boleh memesongkan akidah umat..

- Menyediakan platform yang mudah diakses seperti program latihan dan pengajaran bagi membolehkan masyarakat mempelajari dan meningkatkan kefahaman terhadap agama sejajar dengan perkembangan teknologi pada masa kini.

(3) Menyediakan Sistem dan Suasana Pekerjaan yang Sihat dan Selamat kepada Masyarakat

Pekerjaan amat berkaitan dengan hampir keseluruhan masyarakat di Malaysia kerana mereka memperoleh sumber pendapatan untuk kelangsungan hidup daripada pekerjaan yang diceburi. Bagi segelintir individu, masa yang dihabiskan untuk pekerjaan lebih banyak berbanding masa untuk aktiviti sosial dan peribadi.

Memandangkan pekerjaan amat signifikan kepada masyarakat, maka perkara yang berlaku di tempat kerja boleh memberikan impak kepada kesihatan dan kesejahteraan individu.

Maka, tumpuan dan inisiatif berkaitan perlu dilaksanakan bagi memberi kelancaran dalam urusan pekerjaan selain menyediakan persekitaran pekerjaan yang sihat, selamat dan menyokong potensi diri dan pembangunan kerjaya individu.

- Menyediakan bantuan dan sistem sokongan psikologi dan keselamatan kepada pekerja yang terlibat dengan sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) untuk memastikan kesihatan fizikal dan mental kumpulan ini. Agensi yang terlibat adalah PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

- Meningkatkan kapasiti dan prasarana kepada masyarakat untuk bekerja terutamanya golongan wanita. Golongan wanita adalah kumpulan yang menyumbang kepada guna tenaga buruh di negara ini. Namun, golongan wanita terutamanya mereka yang telah berkeluarga dan memiliki anak menghadapi cabaran tersendiri dalam dunia pekerjaan. Antara cabaran tersebut adalah orientasi persekitaran pekerjaan yang tidak menyokong wanita bekerjaya dan juga stigma yang mengaitkan tahap profesionalisma dengan kerja dengan keluarga. Agensi yang terlibat adalah KPWKM.
- Memperhalusi undang-undang berkaitan hak pekerja dan majikan agar tiada penindasan dan lebih adil untuk kedua belah pihak.
- Menggalakkan penyediaan fasiliti yang menyokong kesejahteraan para pekerja untuk rasa seronok bekerja antaranya penyediaan ruang ibadah dan ruang khas untuk berehat.
- Mempelbagaikan program kemahiran selain daripada bidang teras pekerjaan untuk meningkatkan kapasiti dan kemahiran bekerja.
- Mempelbagaikan program riadah/rekreasi/sosial yang melibatkan para pekerja.

- Membangun dan menggalakkan sistem bimbingan di tempat kerja untuk menggalakkan pekerja menguasai bidang tugas semasa bagi melahirkan pekerja yang berkemahiran, kompeten dan efisien.

(4) Menyuburkan Rasa Bangga terhadap Pegangan Adat resam, Warisan dan Budaya di Kalangan Masyarakat

Keunikan Malaysia adalah amalan adat resam dan budaya yang menjadi simbol dan identiti masyarakat ini. Adat resam dan budaya terdiri daripada amalan kehidupan, makanan, pakaian dan hiburan. Walaubagaimanapun, cabaran yang dihadapi adalah generasi muda masa kini tidak berminat untuk mempelajari mahupun meneruskan adat dan budaya resam.

Hal ini memberi kebimbangan kerana adat budaya ini akan terhakis dan hilang ditelan zaman. Ancaman dan faktor globalisasi memberikan ancaman kepada kelestarian adat dan budaya, namun perkembangan teknologi dan inovasi boleh dimanfaatkan bagi memelihara dan mempromosi adat resam ke peringkat global.

- Adat resam, warisan dan budaya adalah aspek penting yang menjadi identiti dan lambang kumpulan masyarakat. Agensi yang terlibat dalam inisiatif berkaitan adalah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).
- Meningkatkan promosi berkaitan adat dan kebudayaan masyarakat setempat oleh media elektronik dan media cetak.

- Memperkukuh jaringan dan sistem sosial yang menyokong amalan tradisi dan budaya masyarakat setempat. Hal ini melibatkan galakan dan insentif kepada kumpulan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan adat resam, warisan dan budaya masyarakat.
- Mempregiat usaha memelihara dan memulihara adat resam, warisan dan budaya masyarakat. Antara usaha yang boleh dilaksanakan adalah promosi, pendidikan berterusan dan mengenal pasti kawasan yang terlibat dengan inisiatif ini.
- Mendedahkan ciri unik adat resam, budaya dan warisan kepada generasi muda. Golongan ini adalah kumpulan penting dalam menentukan masa depan adat resam, warisan dan budaya Malaysia. Justeru, sangat wajar jika mereka dilengkapi dengan pengetahuan asas dan keinginan untuk mempelajari adat resam, warisan dan budaya.
- Mengetengahkan keunikan adat, budaya dan warisan ke peringkat lebih tinggi, e.g. antarabangsa. Hal ini termasuklah mengiktiraf usaha pemeliharaan dan membawa jenama Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki adat resam, warisan dan budaya yang teguh di persada antarabangsa.

(5) Meningkatkan Kesedaran terhadap Kepentingan Kesihatan Mental dan memperkukuh Sistem Sokongan

Sebelum berlakunya pandemik, masyarakat telah terdedah dengan risiko kemurungan dan kesihatan mental luar jangka. Pelbagai faktor yang mendorong kepada kemurungan dan kesihatan mental individu antaranya faktor ekonomi dan sosial. Pandemik COVID-19 telah memburukkan lagi keadaan bagi segelintir individu yang terpaksa berhadapan dengan cabaran ekonomi dan sosial.

Jika isu kesihatan mental ini tidak ditangani dengan sebaiknya, maka isu ini akan mendorong kepada permasalahan yang lebih besar seperti keselamatan, ketidakupayaan modal insan dan penurunan tahap kesejahteraan masyarakat di negara ini. Justeru, inisiatif utama yang perlu dilakukan adalah sistem sokongan dan akses untuk memperoleh bantuan menangani isu yang menjejaskan kesihatan mental individu.

- Menyediakan dan memperbanyakkan saluran perkhidmatan penasihat dan kaunseling di pelbagai peringkat oleh agensi berkaitan. Masyarakat amat memerlukan sokongan, namun ada di antara mereka yang masih tidak mengetahui saluran yang tepat untuk mereka memperolehi bantuan.
- Meningkatkan jumlah kaunselor, pakar psikologi dan sukarelawan yang terlatih dalam menangani isu dan masalah berkaitan kesihatan mental.

- Memperkukuh sistem sokongan kepada kumpulan rentan. Kumpulan ini wajar diberikan perhatian kerana mereka memerlukan bantuan psikososial, namun kurang akses terhadapnya.
- Mempergiat usaha bersama agensi bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu berkaitan kesihatan mental di pelbagai peringkat. NGO adalah pihak yang signifikan dan boleh mengenal pasti isu hingga ke peringkat akar umbi.
- Melaksanakan kajian secara komprehensif untuk mengenal pasti punca utama yang mempengaruhi tahap kesihatan mental individu. Langkah pbaikan dan kontigensi akan dilaksanakan ke atas faktor utama yang menjadi punca kepada isu kesihatan mental.
- Memperbanyak kempen kesedaran dan promosi mengenai kepentingan kesihatan mental. Media adalah saluran yang berkuasa untuk meningkatkan kesedaran dan kapasiti pengetahuan mengenai kesihatan mental di kalangan masyarakat.

(6) Menaik taraf Kemudahan dan Infrastruktur Awam agar boleh Digunakan oleh Pelbagai Lapisan Masyarakat

Masyarakat amat memerlukan kemudahan dan infrastruktur awam yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Hospital, klinik, sekolah, tempat rekreasi, jalan raya pengangkutan awam dan dewan orang ramai kemudahan yang sering digunakan oleh masyarakat.

Kemudahan ini membantu masyarakat dalam melaksanakan aktiviti harian dengan mudah namun terdapat beberapa isu berkaitan kualiti dan kuantiti penyampaian serta kemudahan awam terutamanya di kawasan berkepadatan tinggi yang perlu ditambah baik dan dibangunkan dengan sebaiknya.

- Meningkatkan kualiti penyampaian kemudahan dan infrastruktur awam seperti pengangkutan, kualiti jalan raya, rangkaian telekomunikasi, kualiti institusi pendidikan terutamanya di kawasan luar bandar terutamanya jaringan telekomunikasi.
- Membangunkan sistem kemudahan dan infrastruktur awam yang boleh diakses oleh segenap lapisan masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar.
- Mempergiat usaha menambah baik sistem perkhidmatan dan kemudahan asas seperti air dan elektrik di kawasan bandar dan luar bandar.

- Melaksanakan pelan tindakan bersepadu bagi menyemak keperluan kemudahan dan infrastruktur mengikut kawasan. Hal ini bagi memastikan bahawa infrastruktur ini dapat digunakan secara optimum dan pada masa yang sama dapat mengelakkan pembaziran sumber.
- Menyuai padan keperluan masyarakat ke atas fasiliti dan perkhidmatan mengikut kawasan antaranya kualiti bekalan air, kawasan tempat tinggal yang selesa dan sistem pengangkutan yang efisien. Sebagai contoh, sistem pengangkutan yang efisien amat praktikal dan diperlukan di kawasan bandar bagi mengurangkan isu kesesakan lalu lintas dan pencemaran.
- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan memelihara dan menghargai kemudahan dan fasiliti awam yang telah disediakan. Masyarakat perlu dididik untuk menghargai perkhidmatan yang telah disediakan agar kemudahan ini boleh digunakan oleh lebih ramai individu dan tidak disalah guna.

(7) Membentuk dan Memperkukuh Kerangka Bersepadu bagi Menangani isu Pencemaran Alam Sekitar dan Mitigasi Perubahan Iklim

Alam sekitar dan perubahan iklim adalah isu terkini dan menjadi tumpuan kerana ia mampu mempengaruhi tahap kesejahteraan masyarakat. Impak daripada krisis perubahan iklim berupaya mempengaruhi masyarakat daripada pelbagai dimensi seperti ekonomi, kesihatan, keselamatan dan aktiviti seharian.

Pencemaran juga turut menyebabkan ekosistem semula jadi dan kualiti sumber air akan terjejas. Selain isu pencemaran alam sekitar, masyarakat kini berhadapan dengan ancaman perubahan iklim. Ancaman perubahan iklim akan menjejaskan rutin kehidupan harian masyarakat yang meliputi aktiviti ekonomi dan sosial.

Justeru, pelan tindakan perlu dilaksanakan bagi menangani isu pencemaran alam sekitar dan mitigasi perubahan iklim. Kerangka bersepadu melibatkan pelbagai agensi dan anggota masyarakat perlu dibangunkan bagi memastikan usaha ini berkesan dan mencapai matlamat.

- Meningkatkan kesedaran dan kapasiti pengetahuan dalam kalangan masyarakat mengenai langkah untuk memelihara alam sekitar melalui kempen pendidikan berterusan di media elektronik dan media cetak.

- Melibatkan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Institusi Penyelidikan bagi membangunkan kerangka bersepadu mitigasi perubahan iklim.
- Menggerakkan agensi berkaitan bagi mengenal pasti impak krisis perubahan iklim kepada masyarakat mengikut kawasan.
- Membangunkan pelan tindakan untuk membantu golongan rentan menghadapi krisis perubahan iklim. Golongan ini didapati paling terdedah dengan risiko perubahan iklim berikutan aktiviti ekonomi, harian dan kawasan kediaman terdedah dengan impak perubahan iklim seperti cuaca panas melampau, tanah runtuh dan banjir kilat.
- Menggerakkan NGO dan masyarakat dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. NGO dan masyarakat adalah entiti penting yang berperanan untuk membaik pulih dan meningkatkan kualiti alam sekitar melalui tahap pengetahuan, kesedaran dan tindakan harian mereka.
- Menyemak dan meneliti semula tadbir urus serta undang-undang berkaitan alam sekitar agar usaha memelihara alam sekitar tidak diganggu dan mitigasi perubahan iklim dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Hal ini memerlukan aspek transparensi dalam pelaporan berkaitan penilaian impak alam sekitar (EIA), birokrasi dan pengecualian daripada mana-mana pihak berkaitan isu yang melibatkan alam sekitar.

Rujukan

Enticott, J. C., Meadows, G. N., Shawyer, F., Inder, B., & Patten, S. (2015). Mental disorders and distress: Associations with demographics, remoteness and socioeconomic deprivation of area of residence across Australia. *Australian & New Zealand Journal of Psychiatry*, 50(12), 1169–1179. <https://doi.org/10.1177/0004867415615948>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021) *Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021*. Kementerian Ekonomi.

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (2019). Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Lambert, L., Draper, Z. A., Warren, M. A., Joshanloo, M., Chiao, E. L., Schwam, A., & Arora, T. (2022). Conceptions of happiness matter: Relationships between fear and fragility of happiness and mental and physical wellbeing. *Journal of Happiness Studies*, 23(2), 535-560.

Putz, R., Clarke, A., Hamborg, T., & Franco, O. H. (2011). What factors are associated with a validated measure of mental wellbeing in the general population in Coventry? A stratified random cross sectional survey. *J Epidemiol Community Health*, 65(Suppl 2), A14-A14.

Kementerian Ekonomi. (2021). *Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)*.

Roy, A. (2021). *Demographics unravelled: How demographics affect and influence every aspect of economics, finance and policy*. John Wiley & Sons, Ltd.

Sivis-Cetinkaya, R. (2013). Turkish college students' subjective wellbeing in regard to psychological strengths and demographic variables: Implications for college counseling. *International Journal for the Advancement of Counselling*, 35(4), 317-330.



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA

© 2022 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA. All rights reserved.

Institut Masa Depan Malaysia
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

For more information, visit our website:
www.institutmasa.com

e ISBN 978-629-95423-4-6



9 786299 542346